

11/11/2003

Andaian, cerita sebelah pihak jadi asas bantahan

Azimi Daim

MINGGU lalu kami berbuka puasa di Kampung Felda Lurah Bilut, Pahang - tanah rancangan Felda pertama di negara ini. Uniknyanya, penduduk di sana adalah masyarakat pelbagai bangsa.

Kedatangan pemimpin muda seperti Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan rakan lain untuk bersama orang kampung begitu menyentuh hati ramai. Kanak-kanak, belia dan orang tua bermesra sendiri dengan Hisham.

Seorang tua yang menerima bantuan tidak dapat menahan air mata dan terus memeluk beliau. Ramai yang tidak tahu hujung pangkal, tetapi jelas sekali tiada sebarang sempadan untuk duduk bersama. Semoga nasib mereka terus terbela.

Program prihatin anjuran orang muda ini wajar diteruskan sepanjang tahun. Biar kejayaannya tidak tercatat di dada akhbar, dengan keikhlasan, pendekatan yang tepat, pasti semua itu beroleh berkat.

Baik dalam program prihatin, kemiskinan, pendidikan, pembangunan manusia, ekonomi, memupuk cinta keamanan mahupun perpaduan, semua itu adalah terjemahan ajaran Islam sebenar. Merealisasikan pegangan, fahaman dan amalan agama ke dalam kehidupan seharian memberi manfaat, nilai dan makna kepada banyak pihak, terutama rakyat.

Program bersama rakyat kini memang sinonim dengan pemimpin muda. Inilah petanda baik Muslim yang mampu melaksanakan ajaran agamanya, bukan semata-mata bercakap dan menghadkan amalan hanya kepada acara bersolat, berdoa dan membaca al-Quran.

Selain bersama orang kampung di Kulim, kami turut berbuka puasa dengan polis trafik di Jalan Bandar, Kuala Lumpur. Walaupun anggota polis berpendapatan tetap, ada di kalangan mereka memerlukan bantuan, terutama anggota biasa yang mempunyai keluarga dan tanggungan besar. Apa lagi jika mereka beranak lima, ramai masih bersekolah dan tinggal di bandar raya. Ada juga konstabel perlu menghantar wang kepada keluarga di kampung setiap bulan.

Semoga kehadiran kami memberi sokongan moral yang bererti kepada pasukan yang menjaga ketenteraman awam negara. Tambahan kini ada pihak yang bising dan mempersoalkan tindakan polis membanteras jenayah apabila penjenayah menemui ajal. Pihak berkenaan mahu polis tangkap penjenayah hidup-hidup.

Sebenarnya, kalau dalam wayang pun kanak-kanak tahu polis sendiri bergadai nyawa. Inikan kisah benar di tempat kejadian, di sekatan jalan raya atau ketika tugas biasa. Jika penjenayah sudah menyerang dan mengacu senjata, tidakkah polis juga berhak mempertahankan diri? Mengapakah pihak yang membantah lebih mengutamakan keselamatan penjenayah daripada polis?

Memang antara kes yang dipersoalkan adalah mangsa yang bersama dalam kejadian, dikenali keluarga sebagai berkelakuan baik. Andaian dan cerita sebelah pihak tanpa hadir di tempat kejadian dan bukti kukuh saja tidak memadai untuk membuat dakwaan polis bersalah. Biarlah kerja itu diamanahkan kepada pihak bertanggungjawab.

Adalah kerja gila apabila pihak yang menuduh polis ini cuba membela penjenayah, meminta kerajaan membenarkan pemimpin Parti Komunis Malaya (PKM) pulang dan sebagainya. Apa maknanya nama pertubuhan demokratik tetapi seperti menyemarak semula komunisme di negara ini. Bagaimana perasaan mangsa kekejaman komunis di Tronoh, Bukit Kepong, Baling, Bentong dan Gua Musang nanti? Malah, ramai juga orang Cina yang dibunuh dan diseksa dengan kejam. Jika mangsa berkenaan sudah mati, saya yakin media massa masih boleh mencari ahli keluarga mereka untuk menceritakan

penderitaan akibat keganasan anggota PKM.

Pihak yang suka membantah ini juga membuat laporan polis untuk meminta siasatan dilakukan terhadap Tun Dr Mahathir Mohamad. Kononnya ada salah laku dan penyalahgunaan kuasa.

Semua tuduhan adalah senarai umum, tanpa bukti dan hanya berasaskan cakap-cakap dan dengar. Ada juga sebenarnya memang sudah lama polis dan kerajaan sedang siasat berikutan inisiatif Dr Mahathir sendiri. Sebaliknya pembuat laporan polis itu sengaja mengaitkan dengan Dr Mahathir.

Tuduhan lain memang tangkap muat dan pastinya bertujuan supaya polis tidak menyiasat. Mana tidaknya, polis tidak akan menyiasat jika laporan itu hanya sebaris tajuk, tanpa jalan cerita dan bukti. Akhirnya apabila pilihan raya kelak, polis akan dituduh berat sebelah dan diarah tidak menyiasat kes yang kononnya merugikan banyak duit rakyat.

Jelasnya ia bukan untuk memalukan Dr Mahathir pun, sebaliknya untuk menjadi senjata politik apabila pilihan raya kelak. Mengapakah polis sentiasa mereka hina, sedangkan selama polis berjaya mengawal ketenteraman awam sehingga negara boleh aman dan maju?

Dalam akhbar perniagaan mingguan The Edge pula, ada editor mencemuh Dr Mahathir dengan bahasa yang lembut dan berlapik. Penulis jelas sekali terlalu idealis dan tidak menyedari realiti termasuk kemakmuran perniagaannya. Beliau yakin benar dengan keikhlasan suara demonstrasi jalanan. Sebenarnya terlalu banyak cerita yang tidak dapat didedahkan. Kisah anak muda ambil peluang 'buat gila-gila', penjenayah dan pengganas 'tumpang sekaki', kumpulan bawa bom Molotov buatan sendiri, mereka yang dibayar untuk hadir dan rakyat yang ikhlas tetapi diperalat penganjur. Editor itu perlu meninjau dan mencari sendiri fakta ini.

Mungkin baik juga editor itu memikirkan jenaka Dr Mahathir: "the dictator has resigned." Biasanya diktator tidak mahu bersara hingga ajal menjemputnya.

Ramai kenalan saya yang bereformasi jalanan kini kembali ke pangkal jalan. Kawan yang pernah bertanding dalam Pilihan Raya Umum 1999 menceritakan, setelah menyedari perniagaannya yang terbengkalai kerana tumpuan kepada 'perjuangan', beliau mula berfikir semula. Apa lagi beliau melihat sendiri pemimpin kanan pertubuhan berkenaan yang terus kaya-raya dengan rumah baru bernilai RM1 juta di Shah Alam.

Dengan rasa kesal, tertipu dan kecewa, kini beliau kembali ke landasan asal yang mampu terus merealisasikan perjuangan sebenar untuk memberi manfaat, nilai dan makna kepada kehidupan rakyat.